



Vobrax 200mg Capsules

Celecoxib 200mg

Apa yang ada pada risalah ini:

1. Apa kegunaan Vobrax
2. Bagaimana Vobrax berfungsi
3. Sebelum menggunakan Vobrax
4. Cara menggunakan Vobrax
5. Semasa menggunakan Vobrax
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan & pelupusan Vobrax
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang & Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apa kegunaan Vobrax

Nama ubat anda ialah Vobrax 200mg Capsules (dipanggil 'Vobrax' dalam risalah ini). Vobrax mengandungi ubat yang dikenali sebagai *Celecoxib*.

Celecoxib digunakan untuk pengurusan sakit akut pada orang dewasa dan untuk rawatan sakit haid, melegakan kesakitan akut dan kronik dan keradangan rheumatic sendi dan osteoarthritis; melegakan tanda-tanda dan gejala *ankylosing spondylitis*; dan untuk pengurusan sakit belakang pada bahagian bawah.

Bagaimana Vobrax berfungsi

Vobrax tergolong dalam kumpulan ubatan yang dipanggil *nonsteroidal anti-inflammatory drugs (NSAID)*, dan kumpulan sub spesifik, (*COX-2 inhibitors*). Badan anda membuat *prostaglandin* yang akan menyebabkan kesakitan dan keradangan. Dalam keadaan seperti *osteoarthritis* dan *rheumatoid arthritis*, badan anda akan membuat lebih banyak *prostaglandin*. Vobrax bertindak dengan mengurangkan penghasilan *prostaglandin*, seterusnya mengurangkan kesakitan dan keradangan.

Sebelum menggunakan Vobrax

Bila tidak boleh menggunakan:
Jangan ambil Vobrax melainkan anda mendapat preskripsi daripada doktor.

Jangan mengambil Vobrax:

- jika anda ada penyakit buah pinggang yang teruk
- jika anda mempunyai alahan terhadap *celecoxib* atau kandungan ubat ini.
- jika anda sedang mengalami ulser atau pendarahan dalam perut dan usus
- jika hasil daripada pengambilan *acetylsalicylic acid* atau antiradang dan ubatan melegakan sakit (NSAID), anda telah mengalami asma/lelah, polip hidung, hidung tersumbat yang teruk, atau alahan seperti ruam gatal pada kulit, bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak, kesukaran bernafas dan sempit
- jika anda ada penyakit hati yang teruk
- jika anda ada penyakit radang pada usus
- jika anda mempunyai risiko penyakit jantung yang tinggi (penyakit iskemia jantung dan strok) contohnya anda telah disahkan menghidap kegagalan jantung, serangan jantung, strok, atau mini-strok (pengurangan sementara aliran darah ke otak, saluran darah tersumbat ke jantung atau otak).
- jika anda ada atau telah ada masalah dengan peredaran darah (penyakit arteri perifer) atau jika anda telah menjalani pembedahan pada arteri kaki anda
- Ubat ini mengandungi laktosa. Sekiranya anda diberitahu oleh doktor anda tiada toleransi kepada sesetengah gula, beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini

Kehamilan dan laktasi

Jangan mengambil Vobrax jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau mungkin anda hamil. Jika anda boleh hamil semasa dalam rawatan, anda perlu berbincang mengenai teknik kontraseptif dengan doktor anda.

Jangan mengambil Vobrax jika anda menyusukan anak. Tanya doktor anda atau ahli farmasi untuk nasihat sebelum mengambil ubat.

Sebelum mula menggunakan:

Periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini:

- jika anda sebelum ini mempunyai ulser atau pendarahan dalam perut dan usus. (Jangan ambil Vobrax jika anda sedang mengalami ulser dan pendarahan).
- jika anda sedang mengambil *acetylsalicylic acid* (walaupun pada dos yang rendah untuk tujuan perlindungan jantung)
- jika anda guna ubatan untuk mengurangkan pembekuan darah (contohnya *warfarin/ warfarin* seperti anti-koagulan atau ubat *novel oral* antikoagulan contohnya *apixaban*)
- jika anda menggunakan Vobrax dan *NSAIDs* bukan *acetylsalicylic* seperti *ibuprofen* dan *diclofenac* pada masa yang sama. Penggunaan ubatan bersama ini harus dielakkan.
- jika anda merokok, mempunyai diabetes, tekanan darah atau kolesterol yang tinggi
- jika jantung, hati atau buah pinggang anda tidak berfungsi dengan baik, doktor anda mungkin akan membuat pemeriksaan yang kerap
- jika anda ada cecair berlebihan terkumpul (seperti bengkak buku lali dan kaki)
- jika anda mengalami dehidrasi, contohnya kerana penyakit, cirit-birit atau penggunaan diuretik (digunakan untuk merawat cecair berlebihan dalam badan)
- jika anda telah mempunyai alahan teruk atau tindak balas kulit yang serius pada mana-mana ubatan
- jika anda jatuh sakit disebabkan jangkitan atau fikir anda mempunyai jangkitan, kerana Vobrax boleh menyembunyikan demam atau tanda-tanda jangkitan dan keradangan
- jika anda telah ada alahan kepada kumpulan ubatan *sulphonamides* (contohnya sesetengah antibiotik untuk merawat jangkitan)



Vobrax 200mg Capsules

Celecoxib 200mg

- Sesetengah kes reaksi hati yang teruk termasuk radang hati yang teruk, kerosakkan hati, kegagalan hati (sesetengah menyebabkan kematian atau memerlukan pemindahan hati) telah dilaporkan dengan *Celecoxib*.
- Daripada kes-kes yang dilaporkan pada masa ini, reaksi hati yang paling teruk berlaku dalam tempoh satu bulan dari permulaan rawatan
- Vobrax mungkin menyebabkan kesukaran untuk hamil. Anda harus bagitahu doktor anda sekiranya merancang untuk hamil atau mempunyai masalah untuk hamil.

Menggunakan ubat-ubat lain:

Maklum kepada doktor anda sekiranya mengambil ubat-ubatan lain, termasuk yang dibeli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda sekiranya anda:

- Mengambil ubatan mengurangkan pembekuan darah seperti *warfarin* atau ubat lain seperti *warfarin* (ubat cair darah untuk mengurangkan pembekuan darah). Mengambil ubatan pengurangan pembekuan darah dengan Vobrax menyebabkan risiko komplikasi pendarahan.
- Mengambil ubat mencegah hipertensi. Vobrax mungkin mengurangkan kesan ubat mencegah hipertensi.
- Mengambil ubat *Ciclosporin* dan *tacrolimus* (ubat untuk penindasan sistem imunisasi contohnya selepas pemindahan).
- Menggunakan Vobrax bersama-sama dengan *non-acetylsalicylic* NSAIDs lain seperti *ibuprofen* atau *diclofenac*. Vobrax boleh digunakan dengan dos rendah *acetylsalicylic acid*.

Bagitahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya ambil, baru-baru ini ambil atau mungkin mengambil ubat-ubatan lain:

- Ubat cegah kemurungan *neuroleptics* (dikenali juga sebagai *anti-psychotic*), ubat *anti-arrhythmic* (ritma degupan jantung yang tidak teratur).
- *Dextromethorphan* (digunakan untuk merawat batuk)
- *Metoprolol* (ubat untuk merawat *angina* (sakit dada) dan darah tinggi)
- Ubatan lain untuk merawat kemurungan, gangguan tidur seperti *diazepam*, *citalopram* dan *imipramine*.
- *Methotrexate* (digunakan untuk merawat artritis reumatoid, psoriasis dan leukemia)
- *Lithium* (digunakan untuk merawat sesetengah jenis kemurungan)
- *Fluconazole* dan *rifampicin* (digunakan untuk merawat kulat dan jangkitan bakteria)
- *Carbamazepine* (digunakan untuk merawat epilepsi/sawan dan beberapa bentuk kesakitan atau kemurungan)
- *Barbiturates* (digunakan untuk merawat epilepsi/sawan dan sesetengah gangguan tidur)

Cara menggunakan Vobrax

Berapa banyak harus digunakan:

Selalu mengambil Vobrax seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda. Anda harus periksa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya tidak pasti.

Untuk rawatan simptom menyakit *Osteoarthritis* (Sakit sendi): Dos *Celecoxib* yang biasa diberi adalah 200 mg sehari atau 100mg dua kali sehari.

Untuk rawatan symptom Reumatic Sendi: Dos *Celecoxib* yang biasa diberi adalah 200 mg atau 100mg dua kali sehari.

Ankylosing spondylitis (Jangka masa panjang (kronik) keadaan tulang belakang dan kawasan badan yang lain

mengalami keradangan): Dos *Celecoxib* yang biasa diberi adalah 200 mg sehari atau 100mg dua kali sehari. Sesetengah pesakit mungkin mendapat manfaat daripada dos 400mg sehari.

Pengurusan sakit akut: Dos *Celecoxib* yang biasa diberi adalah 400mg sehari pada permulaannya, diikuti dengan dos tambahan 200mg, sekiranya diperlukan pada hari pertama. Untuk hari yang seterusnya, dos yang diberi adalah 200mg dua kali sehari, seperti yang diperlukan.

Rawatan sakit haid (kekejangan haid yang menyakitkan): Dos *Celecoxib* yang biasa diberi adalah 400mg sehari pada permulaannya, diikuti dengan dos tambahan 200mg, sekiranya diperlukan pada hari pertama. Untuk hari yang seterusnya, dos yang diberi adalah 200mg dua kali sehari, seperti yang diperlukan.

Sakit belakang: Dos biasa untuk dewasa adalah 100mg dua kali sehari, pagi dan petang selepas makan atau 200mg sehari (100mg dan 200mg sahaja).

Warga tua: Tiada pelarasan dos untuk warga tua. Walau bagaimana pun, untuk pesakit warga tua dengan purata berat badan (<50kg), dinasihatkan untuk memulakan terapi dengan dos paling rendah.

Pesakit dengan kerosakan hati yang teruk (*Child-Pugh Class C*) tidak diketahui.

Kerosakan Buah Pinggang: Tiada pelarasan dos untuk pesakit sedikit atau sederhana kerosakan buah pinggang. Tiada pengalaman klinikal terhadap pesakit kerosakan pinggan yang teruk.

Kanak-Kanak: *Celecoxib* tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak.



Vobrax 200mg Capsules

Celecoxib 200mg

Bila perlu digunakan:

Anda harus mengambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari dengan air. Vobrax boleh diambil dengan makanan atau tanpa makanan.

Sentiasa ambil ubat ini dengan tepat seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda sekiranya tidak pasti.

Berapa lama perlu digunakan:

Jangka masa pengambilan Vobrax bergantung kepada doktor anda untuk menentukan.

Jika terlupa menggunakan:

Adalah penting anda tidak tertinggal dos anda. Jika anda tertinggal satu dos, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Jika dos seterusnya adalah dekat, jangan ambil dos yang tertinggal. Anda hanya perlu teruskan ambil dos seperti biasa. Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika penggunaan berlebihan (terlebih dos):

Jika anda ambil terlalu banyak Vobrax, hubungi doktor atau Pusat Kawalan Racun, atau pergi ke hospital (unit kecemasan) yang terdekat, dengan segera.

Semasa menggunakan Vobrax

Perkara yang perlu dilakukan:

- Ambil ubat anda seperti yang diberitahu oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi, and ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Vobrax
- Beritahu doktor dengan segera sekiranya anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan:

- Jangan mengambil lain-lain ubat tanpa mendapatkan nasihat doktor.
- Jangan beri Vobrax kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian:

- Seperti ubatan NSAIDs yang lain (contohnya *ibuprofen* atau *diclofenac*), Vobrax boleh menyebabkan tekanan darah tinggi. Doktor anda mungkin akan meminta untuk memantau tekanan darah anda secara rutin.
- Terdapat beberapa kes tindak balas hati yang teruk, termasuk radang hati, kerosakan hati, kegagalan hati (beberapa kes membawa maut atau memerlukan pemindahan hati), telah dilaporkan berkaitan *celecoxib*. Daripada kes-kes yang telah dilaporkan, tindak balas hati yang paling teruk berlaku dalam tempoh satu bulan dari permulaan rawatan.
- Vobrax boleh membuat anda lebih sukar untuk hamil. Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda merancang untuk hamil atau jika anda mempunyai masalah untuk hamil.
- Ubat ini mungkin memberi kesan kepada keupayaan memandu dan menggunakan mesin. Sekiranya ubat ini membuat anda pening atau mengantuk, jangan memandu atau menggunakan mesin dan segera menghubungi doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Vobrax boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan berikut:

Sangat biasa

- Tekanan darah tinggi, termasuk membuat tekanan darah tinggi yang sedia ada semakin teruk

Biasa

- Keradangan sinus (*Sinusitis*)
- Jangkitan saluran pernafasan
- Serangan jantung
- Jangkitan pada salur kencing
- Alahan semakin teruk
- Sukar tidur
- Sakit sendi
- Sakit kepala
- Batuk
- Kesukaran bernafas

- Sakit tekak
- Hidung tersekat atau berair, bersin
- Sakit perut
- Cirit birit
- Ketidakhadaman
- Loya (rasa sakit)
- Muntah
- Kesukaran menelan
- Ruam, gatal
- Cecair berlebihan terkumpul pada tisu badan (seperti bengkak buku lali dan kaki)
- Simptom selesema
- Kecederaan

Tidak biasa

- Strok
- Kegagalan jantung, palpitasi (jantung berdebar), detak jantung cepat
- Ujian darah berkaitan hati tidak normal
- Ujian darah berkaitan buah pinggang tidak normal
- Anemia (perubahan sel darah merah yang menyebabkan letih dan sesak nafas)
- Gelisah, kemurungan, kepenatan, mengantuk, sensasi kesemutan (pin dan jarum)
- Tahap kalium yang tinggi dalam keputusan ujian darah (boleh menyebabkan loya (berasa tidak sihat), keletihan, lemah otot atau palpitasi)
- Penglihatan terjejas atau kabur, telinga berdengung, sakit mulut, masalah pendengaran
- Sembelit, sendawa, radang perut (senak, sakit perut atau muntahmuntah), keradangan perut atau usus semakin teruk
- Kejang kaki
- Ruam gatal (gatal-gatal)
- Radang mata
- Sukar bernafas
- Perubahan warna kulit (lebam)
- Sakit dada (sakit umum tidak berkaitan jantung)
- Bengkak muka

Jarang

- Kurang sel darah putih (*leukopenia*), kurang platelet (*thrombocytopenia*)
- Keadaan celaru, halusinasi



Vobrax 200mg Capsules

Celecoxib 200mg

- *Ataxia* (pergerakan mata yang tidak normal, pertuturan berubah), kurang deria rasa.
- Pendarahan mata
- Degupan jantung tidak teratur
- Salur darah paru-paru tersumbat.
- Hepatitis
- Bengkak pada muka, lidah, kawasan mata; botak

Sangat Jarang

- Kurang sel darah merah, darah putih dan platelet (*pancytopenia*)
- Reaksi alergic yang teruk
- Pendarahan didalam tempurung kelapa, sawan,
- Radang salur darah
- Otot lemah, sakit dan bengkak
- Masalah ginjal.

Jika anda mengalami kesan-kesan sampingan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuk kesan sampingan yang mungkin tidak tersenarai dalam risalah ini.

Anda juga boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan, atau laman web www.npra.moh.gov.my (*Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (CONSERF or Vaccine (AEFI))*)

Cara Penyimpanan & Pelupusan Vobrax

Penyimpanan:

- Jauhi dari kanak-kanak dan penglihatan mereka.
- Jangan guna Vobrax selepas tamat tarikh luput yang tercatat pada pek blister dan kotak. Tarikh luput merujuk kepada tarikh akhir untuk bulan tersebut.
- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Jangan guna Vobrax yang sumpik atau pecah atau ada tanda-tanda kerosakan.

Pelupusan:

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang melalui sisa buangan atau tong sampah. Sila rujuk ahli farmasi anda bagaimana untuk membuang ubat yang sudah tidak diperlukan lagi.

Tindakan ini boleh menjaga persekitaran dari tercemar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk:

Saiz 2 kapsul putih bercirikan gelang reben kuning dan CH91 atas permukaan, berisi butiran serbuk putih sehingga putih kehabisan.

Bahan-bahan kandungan Vobrax

Bahan aktif:

Celecoxib

Bahan tidak aktif:

Lactose monohydrate, Polyvinylpyrrolidone, Croscarmellose Sodium, Magnesium Stearate, dan Sodium Lauryl Sulfate.

Pengilang:

Chen Ho Pharmaceutical Co., Ltd.
Sinying Plant
No. 23, Singong Road, Jiafang Vill.,
Sinying Dist., Tainan City, 730
Taiwan, R.O.C.

Pemegang Pendaftaran Produk:

Asumed Biotech Sdn. Bhd.
SS-21-08, Stellar Suites,
Jalan Puteri 4/7, Bandar Puteri
Puchong, 47100 Puchong, Selangor,
Malaysia.

Nombor MAL: MAL20076034ACZ

Tarikh kemaskini RiMUP:

27 Februari 2026

Nombor Siri:

NPRA(R2/1)260324/00033